

Ruj. Kami : JANM.PRK.600-1/1/1 (12)  
Tarikh : 24 Disember 2024

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/ Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

## **PENGEMASKINIAN MAKLUMAT PENYATA PENDAPATAN TAHUNAN 2024**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan, Unit Gaji JANM Negeri Perak dalam tindakan mengemaskini maklumat pendapatan bercukai / tidak bercukai / bayaran luar sistem di IT0547 untuk tujuan janaan Penyata Pendapatan Tahunan 2024.
3. Sehubungan dengan itu, terdapat keperluan maklumat pegawai di bawah seliaan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/YBrs. Dr/Tuan/Puan yang perlu dilengkapkan seperti format di Jadual 1:
  - 3.1 **Kod BIK 805 dan 806 - Senarai Pulangan Balik Potongan Cukai Pendapatan yang dibuat oleh LHDN kepada pegawai akibat pelarasan gaji dalam tahun 2024 (sekiranya ada);**
  - 3.2 **Kod BIK 810 - Senarai Pulangan Balik KWSP kepada pegawai akibat pelarasan gaji dalam tahun 2024 (sekiranya ada);**
  - 3.3 **Kod BIK 801 - Senarai Pulangan Balik Emolumen Bercukai melalui kaunter (selain dari sistem iGFMAS HCM - Payroll) dalam tahun 2024 (sekiranya ada); dan**
  - 3.4 **Kod BIK 812 - Senarai Pulangan Balik Elaun Tidak Dikenakan Cukai melalui kaunter (selain dari sistem iGFMAS HCM - Payroll) dalam tahun 2024 (sekiranya ada).**
4. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan untuk menyatakan dengan jelas pecahan amaun dalam resit bagi gaji pokok dan elaun-elaun tahun 2024 bagi perenggan 3.3 dan 3.4. Senarai yang telah lengkap hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan seperti salinan resit, salinan baucar bayaran dan sebagainya yang telah disahkan dan dihantar segera ke Unit Gaji JANM Negeri Perak pada atau sebelum 17 Januari (Jumaat), pukul 12.00 tengah hari.
5. Hanya satu (1) Penyata Pendapatan Tahunan yang akan dikeluarkan berdasarkan nombor gaji, walaupun pegawai berkenaan telah berpindah ke beberapa PTJ/ AO yang berbeza pada tahun 2024.

6. Komitmen daripada YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/YBrs. Dr./ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai bagi memastikan proses larian Penyata Pendapatan Tahunan 2024 dapat berjalan dengan lancar dan Borang C.P.8D (Penyata Saraan Daripada Penggajian) dapat dikemukakan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri dalam masa yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**UNIT GAJI**  
**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**  
**NEGERI PERAK**

## JADUAL 1

## SENARAI MAKLUMAT UNTUK PENGEMASKINIAN PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN 2024

Kod Pusat Pembayar :  
Nama Pusat Pembayar :  
No Telefon :

Disediakan oleh :

Disajikan oleh :

Nama : Jawatan :

Nama : Jawatan :